

'Muafakat Kerajaan Perpaduan lebih mantap, ikhlas'

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata permuafakatan antara parti dalam Kerajaan Perpaduan lebih mantap dan ikhlas berbanding dengan senario politik parti pembangkang seperti yang berlaku di Perlis.

Menzahirkan kesyukuran atas keadaan itu, Perdana Menteri berkata, selain permuafakatan lebih ikhlas, tiada juga unsur sabotaj serta khianat.

“Saya bersyukur kerana muafakat Kerajaan Perpaduan lebih mantap, lebih ikhlas dan tiada usaha sabotaj, khianat, seperti yang berlaku dalam kalangan rakan-rakan lain,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai keadaan politik dalam parti kerajaan dan pembangkang se-

perti ketegangan yang berlaku di Perlis.

Polemik politik di Perlis timbul apabila lapan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perikatan Nasional (PN), lima dari BERSATU dan tiga dari PAS, dilaporkan menghantar akuan bersumpah kepada Istana Arau menarik sokongan terhadap Menteri Besar, Mohd Shukri Ramli.

Ia menyebabkan Mohd Shukri meletakkan jawatan pada Khamis lalu dan ADUN Kuala Perlis dari BERSATU, Abu Bakar Hamzah, dilantik menggantikan Mohd Shukri.

Berikutan itu, beberapa pimpinan utama PAS mengkritik keras tindakan itu selain mempersoalkan mengapa BERSATU tidak mengambil tindakan terhadap lima ADUNnya itu.

PAS pula menghentikan keahlian tiga ADUNnya itu menyebabkan tiga kerusi DUN, iaitu Chuping, Guar Sanji dan Bintong, diisytihar kosong.

Speaker DUN Perlis, Rus'sele Eizan, menyerahkan notis kekosongan kerusi berkenaan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang mana agensi itu akan bermesyuarat minggu depan bagi menentukan tindakan lanjut.